

Konvensyen UMNO WP contoh kejayaan Melayu glocal

um- 7/11/2006

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Konvensyen UMNO Wilayah Persekutuan (WP) semalam berjaya menjadikan perjuangannya memartabatkan Melayu Bandar Wilayah Persekutuan sebagai satu contoh terbaik kepada kejayaan pembangunan Melayu glocal (global dan lokal) yang maju, bersifat terbuka, berdaya saing dan berbilang.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique (**gambar**) yang juga pengerusi Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan berkata, konvensyen itu bukan sahaja membahaskan isu-isu semasa warga kota malah turut memberi imej baru pembangunan Melayu bandar untuk mencapai Wawasan 2020 selaras dengan temanya: "UMNO Wadah Perjuangan Memartabatkan Melayu Bandar".

Konvensyen semalam berjaya membahaskan isu-isu yang berkait rapat dengan pembangunan Melayu bandar yang dapat

mengangkat mereka ke satu martabat yang lebih tinggi dan berjaya, katanya di sini.

Beliau berkata, hasil konvensyen itu telah disampaikan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ketika menutup majlis itu semalam.

Zulhasnan berkata, UMNO Wilayah Persekutuan telah menjadikan tahun 2006 dan awal tahun 2007 sebagai tahun 4M manakala tahun 2007 sebagai tahun 3M.

Pendekatan 4M ialah membincang, merancang, mengatur strategi dan merangka gerak kerja jentera pilihan raya UMNO dan BN WP manakala pendekatan 3M ialah memperhalusi isu-isu yang telah dibangkitkan dari semasa ke semasa, mendekati dan mendampingi rakyat menerusi

aktiviti turun padang dan memperkukuhkan perpaduan dan jatidiri ahli-ahli Umno dan BN WP.

Zulhasnan berkata, konvensyen itu tidak langsung membahaskan isu kritikan terbuka Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan pentadbiran kerajaan walaupun ia hangat diperkatakan di media.

Sebaliknya para peserta menumpukan kepada soal pembangunan Melayu bandar dari segi ekonomi, pendidikan agama dan sosial.

Sebanyak 24 resolusi diluluskan setelah dibahaskan para peserta, termasuk resolusi Pelan Pembangunan Kampung Baru yang mendapat perhatian utama.

Zulhasnan berkata, kementeriannya akan memberi taklimat kepada Perdana Menteri selepas laporan lengkap mengenai pelan pembangunan itu, termasuk kajian nilai tanah, selesai dijalankan.

Beberapa resolusi lain yang turut mendapat perhatian ialah cadangan agar Majlis dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Wilayah Persekutuan dan desakan supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mewujudkan satu hub baru ala Bintang Walk di persekitaran kawasan Sogo, Kompleks Pertama, Maju Junction dan Medan Mara.

Pengerusi jawatankuasa penganjur, Senator Datuk Kamaruddin Ambok berkata, konvensyen itu berjaya menarik perhatian semua pihak dalam UMNO di Wilayah Persekutuan termasuk pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri.